



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (16 NOVEMBER 2020)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **satu (1) kes** positif COVID-19 dikesan di daerah Miri, Sarawak. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 1,041 kes**.

A. Kes COVID-19 Baharu

I. Daerah Miri (1 kes baharu).

a) Kes Saringan Kontak Rapat Kepada Kes Positif COVID-19 (1 Kes Baharu)

Terdapat satu (1) kes yang telah disaring kerana mempunyai kontak rapat dengan kes positif yang telah dilaporkan sebelum ini. Kes telah menjalani saringan pertama melalui pengesanan kontak kepada kes positif COVID-19 pada 28 Oktober 2020 dan didapati negatif pada 31 Oktober 2020. Manakala saringan kedua pula telah dilakukan di fasiliti kesihatan kerajaan pada 14 November 2020.

Kes 1,041 adalah ahli keluarga dan kontak rapat serumah kepada kes Ke-829 dan 883 yang telah dilaporkan sebelum ini. Kes ini merupakan seorang kanak-kanak lelaki berumur empat (4) tahun yang juga warganegara tempatan. Kes ini juga tidak mengalami tanda dan gejala jangkitan COVID-19. Kes ini telah dimasukkan ke wad pengasingan di Hospital Miri untuk rawatan lanjut. Kes ini mempunyai perkaitan dengan kontak positif di bawah Kluster Greenhill.

B. Kluster COVID-19 Yang Masih Aktif.

Hari ini, **tiada kluster baharu** dilaporkan. Ini menjadikan terdapat lima (5) kluster yang kekal masih aktif di Sarawak. Kluster-kluster yang masih aktif adalah seperti berikut:

i) Kluster Greenhill di Daerah Kuching.

Terdapat **satu (1) penambahan kes** baru positif COVID-19 yang dikaitkan melibatkan kluster ini pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini telah meningkat kepada 91 orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 1556 individu telah disaring, dimana:

- 91 kes dikesan positif COVID-19; dan
- 1,465 individu negatif.

ii) Kluster Jalan Abell, Kuching.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal 15 orang termasuk kes indeks.

iii) Kluster Baki, Kuching.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai 33 orang termasuk kes indeks.

iv) Kluster Seladah, Kuching.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai sembilan (9) orang termasuk kes indeks.

v) Kluster Wisma Saberkas, Kuching.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 yang melibatkan kluster ini pada hari ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal 44 orang termasuk kes indeks.

C. Status Kes COVID-19 di dalam Wad Pengasingan Hospital.

Dimaklumkan juga bahawa **lima (5)** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Semua kes yang telah pulih dan dibenarkan didiscay ini adalah dari Hospital Umum Sarawak. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini adalah kekal seramai **931** orang atau **89.43%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **91** orang iaitu:

- 81 kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak; dan
- 10 kes di Hospital Miri.

Hari ini **tiada kes** COVID-19 yang sedang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari ini. Satu (1) kes sedang menerima bantuan alat pernafasan yang berada di wad pengasingan Hospital Umum Sarawak.

Tiada kes kematian baharu dilaporkan pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kematian adalah kekal seramai **19 orang atau 1.83%**.

Hari ini **lima (5) PUI** baru telah dilaporkan dan **dua (2) PUI** yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

D. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.

Hari ini, daerah Kuching kekal berstatus Merah dengan jumlah keseluruhan seramai **114** kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Daerah Miri, Lundu dan Lawas kekal berstatus Kuning. Ini menjadikan jumlah daerah yang berstatus Merah adalah satu (1) buah daerah, tiga (3) berstatus Kuning dan 36 buah daerah yang lain di Sarawak kekal berada dalam status Hijau.

2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah bermesyuarat hari ini dan keputusan berikut telah dibuat:

A. Pindaan SOP Bagi Sektor Peruncitan

Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah membuat pindaan SOP bagi Sektor Peruncitan untuk Kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). SOP Peruncitan ini berkuatkuasa mulai **18 November 2020**.

B. Pembukaan Semula Pusat Tuisyen dan Tadika di Zon Hijau

Adalah dimaklumkan bahawa semua Pusat Tuisyen dan Tadika yang berada di kawasan zon hijau **dibenarkan beroperasi mulai 17 November 2020**. Bagi pengusaha tadika, mereka dikehendaki untuk mematuhi SOP yang telah dikeluarkan.

C. Pematuhan SOP

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak memandang serius terhadap pematuhan SOP yang telah dikeluarkan. Ini terutamanya bagi syarikat di industri perkilangan, pembinaan, perladangan, pertanian, peruncitan dan makanan di seluruh Sarawak untuk memastikan penguatkuasaan ke atas semua pekerja mereka agar sentiasa mematuhi SOP sepanjang masa.

Selain itu, orang awam juga dinasihati untuk sentiasa mematuhi SOP yang telah dikeluarkan oleh KKM walau dimana jua mereka berada. Langkah pencegahan perlu diambil. Kita tiada ubat, tiada vaksin, sebab itu penting ambil langkah pencegahan. Oleh itu, kita harus mengamalkan penjarakan fizikal, menggunakan penutup hidung dan mulut serta menjaga kebersihan. Inilah langkah yang dapat elakkan kita daripada dijangkiti COVID-19.

3. LAPORAN PKPB DAERAH KUCHING (9-22 NOVEMBER 2020)

Hari ini **sebanyak 9,109 jumlah kenderaan** diperiksa semasa PKPB di daerah Kuching. Ini menjadikan jumlah kumulatif kenderaan diperiksa sebanyak **52,514**. Manakala sebanyak 13 buah kenderaan di arah berpatah balik hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kenderaan yang di arah berpatah balik mulai 9 November 2020 sebanyak **169 buah** kenderaan.

4. LAPORAN NOTIS TANGKAPAN/KOMPAUN/AMARAN/SITAAN

Hari ini pihak PDRM telah menangkap tiga (3) orang. Seorang warga negara tempatan dan dua (2) warga negara Indonesia telah dikesan melanggar SOP iaitu tidak mengamalkan penjarakan fizikal di restoran di Kuching. Selain itu, sebanyak **56 notis kompaun telah dikeluarkan** di Daerah Kuching (48), Sarikei (2), Lawas (2) dan Betong (1).

Manakala Kementerian Kerajaan tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan sebanyak 98 notis amaran lisan / bertulis di bawah seliaan DBKU (38), SMC (23), MPP (16), BDA (10), MD Serian (5), MDMJ (3), MD Sarikei (2) dan MBKS (1).

5. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)

Hari ini sebanyak **1,468 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (215), Restoran (293), Kilang (11), Bank (91), Pejabat Kerajaan (35), Penjaja (36), Pasar Tani/Awam (59), Tempat Ibadah (59), Tempat Riadah (36), Tapak Pembinaan (18) dan lain-lain (615).

Seramai **525 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (244), ATM (32), RELA (125), APM (81), PBT (33), KKM (3) dan lain-lain agensi (7).

6. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG

Hari ini terdapat **7 sekatan jalan raya** di 6 buah daerah iaitu di Lawas (2), Lundu (1), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 7 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,007** jumlah kenderaan telah diperiksa.

7. TANGKAPAN SEMASA OP BENTENG

Pihak ATM telah berjaya menahan 2 buah kenderaan jenis pacuan 4 roda bersama 3 orang PATI dan 2 orang warganegara Malaysia. Terdapat beberapa barang berupa telefon bimbit, wang tunai, 573 botol minuman keras, 15 bungkus kayu gaharu, 14 tong gas, 96 papan telur ayam dan 143 pek serbuk Milo turut dirampas. Kesemua PATI, warga Malaysia serta barang yang dirampas dibawa ke IPD Lubok Antu untuk tindakan selanjutnya. Anggaran Nilai Barang Ditahan ialah **RM 492,771.90**, termasuk 2 buah kenderaan pacuan 4 roda.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives

Jaga Sarawak Intu Sarawak

SEKRETARIAT

JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

16 NOVEMBER 2020

5.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Previous Cases		1040	Total Cases still in ward		91	8.74%
New Cases		1	Cases in Intensive Care Unit (ICU)		0	0.00%
Total Samples by Individu		166,816	Intubated Cases		1	0.10%
Cumm. Positive Cases		1041	Total Death Cases		19	1.83%
IR per 100,000 population		33.75	Recovered and discharged cases		931	89.43%
Lab. Results (PUI)	New	Cummulative	Patient Under Investigation (PUI)		New	Cummulative
Negative	3	9,413			5	10,456
Pending Result	1	2				

Current Status		SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	TOTAL
Patients still in ward		81	0	0	10	0	91
Kes di Intensive Care Unit (ICU)		0	0	0	0	0	0
Intubated cases		1	0	0	0	0	1
Total Death Cases		17	0	0	2	0	19
Recovered and discharged cases	New	5	0	0	0	0	5
	Cummulative	776	41	49	63	2	931
Total re-admission cases (Re-tested Positive)		9	9	3	1	0	22

DAERAH MERAH (1)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	4	6,974	0	695	5	604	0	12	79	116	114
	Jumlah	4	6,974	0	695	5	604	0	12	79	116	114

DAERAH KUNING (3)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lawas	0	28	0	10	0	4	0	0	6	6	1
2	Lundu	0	262	0	7	0	7	0	0	0	3	3
3	Miri	1	908	1	55	0	49	0	1	5	8	8
	Jumlah	1	1198	1	72	0	60	0	1	11	17	12

Sumber: CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (36)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Limbang	0	33	0	11	0	10	0	1	0	0	0
2	Samarahan	0	587	0	116	0	111	0	4	1	2	0
3	Bintulu	0	320	0	49	0	49	0	0	0	0	0
4	Lubok Antu	0	28	0	3	0	3	0	0	0	0	0
5	Sibu	0	122	0	17	0	17	0	0	0	0	0
6	Serian	0	318	0	25	0	25	0	0	0	0	0
7	Bau	0	180	0	7	0	7	0	0	0	0	0
8	Simunjan	0	64	0	8	0	8	0	0	0	0	0
9	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
10	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
11	Asajaya	0	44	0	5	0	5	0	0	0	0	0
12	Sri Aman	0	55	0	4	0	3	0	1	0	0	0
13	Betong	0	190	0	16	0	16	0	0	0	0	0
14	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
15	Matu	0	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
16	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
17	Saratok	0	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
29	Kapit	0	37	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		0	2,284	0	274	0	267	0	6	1	2	0
Jumlah Besar		5	10,456	1	1,041	5	931	0	19	91	135	126

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **328 Person Under Surveillance (PUS)** telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **31 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **2,856 orang**. Manakala seramai **31,541 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 16.11.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (1,758)	Hock Lee	94
2		Kuching Park	113
3		Pullman	375
4		Hilton	259
5		Harbour View	177
6		Riverside (Astana Wing)	158
7		Imperial Boulevard	195
8		Tune Hotel	79
9		Dormani Hotel	34
10		Grand Continental	159
11		Meritin	22
12		Longhouse	93
13	Miri (529)	Mega Hotel	63
14		Imperial Palace	125
15		Eastwood Valley	74
16		Meritz	109
17		Miri	21
18		Dynasty	114
19		Citi Hotel	23
20	Bintulu (127)	Wasan Inn	16
21		Fairfield by Marriot	53
22		Kidurong Inn	4
23		Motel Kapok	24
24		Faber Inn	11
25		AA Inn	19
26	Limbang (206)	Purnama	70
27		Seri Malaysia (Lawas)	113
28		Shangshan (Lawas)	0
29		Mandarin (Lawas)	23
30	Sibu (175)	Premier	175
31	Samarahan (61)	Kolej Rafflesia, UNIMAS	61
		Jumlah PUS	2,856

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **2 lokasi di Kuching (1) dan Miri (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,975 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 16.11.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	OPERASI SEMASA	OPERASI TERKUMPUL
1	Kuching	1	659
2	Miri	1	380
3	Sibu	TIADA	189
4	Samarahan	TIADA	130
5	Bintulu	TIADA	121
6	Sarikei	TIADA	118
7	Limbang	TIADA	91
8	Serian	TIADA	69
9	Betong	TIADA	58
10	Sri Aman	TIADA	54
11	Kapit	TIADA	54
12	Mukah	TIADA	52
Jumlah Keseluruhan			1,975

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **38 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 16.11.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	Mp Padawan	2
2	MD Serian	3
3	MD Sri Aman	7
4	MP Sibu	9
5	MCC	13
6	Md Marudi	3
7	MD Lawas	1
Jumlah		38